


29 bubu naga di perairan Perlis dirampas

SH 7/10/2019 M/S 35



Anggota penguat kuasa APMM menarik bubu naga di perairan Perlis kelmarin.

KUALA PERLIS - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Kuala Perlis merampas sebanyak 29 bubu naga (bubu kambang) di tiga lokasi berbeza kelmarin.

Pengarah APMM Zon Kuala Perlis, Komander Maritim Nurulazme Zakariah berkata, tangkapan dilakukan pada jarak kira-kira 0.6 dan 0.7 batu nautika barat Pantai Kurung Tengar.

Menurutnya, operasi yang bermula pada jam 6 pagi itu mengesan pelampung yang dipasang sebagai penanda bubu naga yang ditinggalkan.

"Penggunaan bubu naga boleh menjelaskan sumber perikanan negara kerana tidak selektif memerangkap anak

ikan komersial selain turut memusnahkan ekosistem laut negara," katanya.

Nurulazme berkata, semua bubu naga dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis dan diserahkan kepada pegawai penyiasat.

Katanya, kes disiasat bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

"Maritim akan terus membuat rondaan dan pemantauan di sempadan dan perairan negara dari semasa ke semasa bagi mencegah aktiviti penyecludupan, pencerobohan dan jenayah maritim yang berlaku di perairan utara Semenanjung Malaysia," katanya.